

Projek dimajukan anak syarikat BDB bernilai RM100 juta di Ayer Hitam

BDB bina 630 unit rumah PPR



IZHAM (kiri) menerangkan sesuatu mengenai projek perumahan kepada Ahmad Bashah (dua dari kiri) di Jerlun semalam.

Oleh ZAID MOHD. NOOR

JERLUN – Kumpulan Bina Darulaman Bhd. (BDB) melalui anak syarikatnya, Synergy Sdn. Bhd. (BDB Synergy) bakal membina 630 unit rumah teres setingkat menerusi projek Perumahan Rakyat (PPR) Ayer Hitam di sini. Pengarah Urusannya, Datuk Izham Yusoff berkata, projek perumahan tersebut yang bernilai RM100 juta itu akan dibina di kawasan seluas 25 hektar.

Menurutnya, projek PPR yang dibangunkan di bawah

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan itu dijangka mengambil masa tiga tahun untuk disiapkan.

“Pembinaan projek PPR itu mencerminkan usaha Kumpulan BDB dalam membantu kerajaan membangunkan rumah mampu milik bukan sahaja di kawasan Jerlun malah di seluruh negeri Kedah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pecah tanah projek PPR Ayer Hitam di sini semalam.

Majlis pecah tanah itu

disempurnakan oleh Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah.

Izham menjelaskan, rumah teres setingkat itu mengandungi tiga bilik tidur, dua bilik air, ruang tamu, ruang makan dan dapur itu.

“Sebuah dewan serba guna yang mampu memuatkan 400 orang tetamu, surau dapat menampung seramai 200 orang jemaah.

“Dua buah taska akan turut dibangunkan di tapak projek perumahan tersebut,” katanya.